

PROJEK SKAL MBPJ

PROJEK Inovasi Pembangunan Dalam Komuniti HIBRID dengan penghasilan Baja Kompos Mudah dari sumber hutan asli seperti dahan/ranting / daun kering tanpa campuran bahan bersifat chemical.. selamat dan amat sesuai untuk tumbuh-tumbuhan kebun, taman Dan ladang.. projek adalah dari sumber Hutan Rekreasi IPlay Park, Damansara Damai

Hutan Rekreasi I-Play Park adalah hutan seluas 15 ekar terletak dalam kawasan dalam Majlis pada asalnya merupakan hutan terbiar sahaja, tetapi kini telah dijadikan ruang riadah.

Kawasan tersebut adalah hutan simpan yang terletak berhampiran dengan rumah-rumah di Damansara Damai dengan kepadatan penduduk melebihi 100,000 orang.

Majlis bersama NGO telah menubuhkan kumpulan KIK untuk menyelesaikan masalah dan penambahbaikan terhadap hutan rekreasi tersebut.

Menjaga alam sekitar.

Wujudnya kawasan kreativiti dan aktiviti komuniti.

Wujudnya tahap keselamatan pengunjung.

Menjimatkan kos pelupusan dan menjana pendapatan Briged Rimba.

Tanaman subur

SELAIN ITU JUGA PROJEK DAPAT:-

1 Meluaskan aktiviti pertanian bandar

2 Memperbanyakkan hasil buah-buahan dan sayur-sayuran di bandar

3 Memberi peluang golongan anak-anak B40 terdiri dari Briged Rimba menambah pendapatan.

4 Pusat pertemuan dan perpaduan komuniti setempat.

5 Menjaga ekosistem alam supaya oksigen dapat dikeluarkan, kawasan tadahan air dan hidupan flora fauna tidak terjejas.

6. Dan pelbagai faedah lagi

KEJAYAAN PROJEK

JOHAN & PROJEK INOVASI HIBRID **TERBAIK**

Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (Mpipans)2019 (Kategori Inovasi Sosial (Penambahbaikan)



ALAT RINGAN MENGANGKAT TONG SAMPAH (ARMTOS)

Petaling Jaya menghasilkan secara purata 220,000 tan sampah setahun dengan kos pengurusan menjangkau RM 67 juta. Masalah yang timbul ialah tong sampah yang berat perlu diangkat secara manual ke dalam tong sampah pukal. Jika ketiadaan forklift, ia turut memerlukan dua orang pekerja untuk mengangkat sampah yang berat tersebut. Kerja-kerja ini akan cepat memenatkan, mengotorkan dan menyakitkan badan pekerja. Tambahan pula, bungkusan sampah yang berat menyebabkan pekerja tertarik plastik sampah ketika diangkat. Plastik sampah yang koyak pula menyebabkan sampah bertaburan. Akhirnya, sampah yang berat ditinggalkan sahaja di tempat kutipan disebabkan kekurangan tenaga kerja.

Melalui kaedah-kaedah pemilihan projek dan penyelesaian masalah yang dilakukan, kumpulan PJ Infinite telah mencipta Alat Ringan Mengangkat Tong Sampah (ARMTOS) yang direka oleh En. Mahmud bin Salim. Projek ini telah mendapat pengiktirafan daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan Anugerah Hadiah Penghargaan Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2019 dan juga Anugerah Kategori Emas pada Mini Konvensyen Team Excellence (MTEEx) pada tahun 2020.



ALAT PEMBERSIH PERANGKAP SAMPAH (MAIN HOLE)

Majlis bandaraya petaling jaya menerusi jabatan kejuruteraan banyak menguruskan kebuk-kebuk longkang yang tersumbat disebabkan oleh pengumpulan pasir dan sampah-sarap yang tersekat di kebuk berkenaan. Kebuk-kebuk ini juga terdapat di kawasan-kawasan belakang kawasan perumahan, kedai-kedai, dan juga perindustrian yang sukar dilalui oleh lori-lori penyedut sampah majlis. Bagi membantu mengatasi masalah ini, kumpulan pj infinite telah Mencipta Alat Pembersih Perangkap Sampah (MAIN HOLE) yang direka oleh en. Mahmud bin salim sebagai alternatif kepada lori penyedut sampah berkenaan. Alat yang direka ini adalah mudah alih dan mampu dioperasikan oleh seorang sahaja pekerja.

